

DATE: 27 / 2010

NKRA Rasuah capai sasaran banteras penyelewengan

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@bharian.com.my

KOMITMEN kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu menjadikan Malaysia sebagai negara bebas daripada unsur rasuah dapat dilihat melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah yang diterajui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz.

Gejala dan amalan rasuah di Malaysia masih terkawal dan tidaklah seperti yang digambarkan oleh segelintir pihak, tetapi ia menjadi isyarat awal buat ahli politik, institusi kerajaan, dan beberapa agensi lain untuk menilai persepsi orang awam mengenai rasuah.

Dakwaannya bahawa Malaysia 'diselimumi' amalan korupsi dan gejala rasuah bagaikan benar apabila kedudukan Malaysia dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa jatuh dari kedudukan 47 dengan markah 5.1 pada 2008 kepada kedudukan 56 dengan markah 4.5 pada 2009.

Kerajaan pimpinan Najib menyedari bahawa pendekatan baru mesti diperkenalkan dan dilaksanakan bagi memulihkan persepsi yang kurang menyenangkan itu, disamping mengukuhkan keyakinan rakyat Malaysia dan pelabur terhadap imej institusi kerajaan.

Justeru, NKRA Rasuah menyenaraikan 26 inisiatif awal dan kajian mengenainya dilakukan bagi mendapatkan strategi dan taktik paling berkesan untuk membante-

ras amalan rasuah dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa.

Ketua Sektor Media dan Data NKRA Rasuah, Nurirdzuana Ismail, berkata daripada 26 inisiatif awal yang dikenal pasti, tujuh inisiatif sudah berjaya dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada Pejabat Peguam Negara, Kabinet dan Parlimen.

"Inisiatif terbaru yang berjaya dicapai oleh NKRA Rasuah ialah pelaksanaan program Sijil Integriti Pegawai (CeIO) selama enam bulan oleh Akademi Anti-Rasuah Malaysia (MACA) untuk pegawai kerajaan daripada pelbagai agensi dan badan berkanun," katanya.

Program kursus dan latihan berkenaan dijangka bermula pada awal Ogos ini bagi melatih pegawai kerajaan dan swasta untuk menguruskan isu integriti bagi membendung rasuah, salah laku dan salah guna kuasa di tempat kerja secara cekap serta berhemah.

Nurirdzuana menjelaskan sebelum ini NKRA Rasuah berjaya mendapatkan persetujuan badan kehakiman negara untuk menyelesaikan kes rasuah dalam masa setahun dengan menubuhkan 14 mahkamah khas rasuah serta penggabalan Akta Perlindungan Saksi, yang mana kedua-duanya sudah diluluskan Dewan Negara pada 6 Mei yang lalu.

Selain itu, inisiatif yang diperkenalkan ialah Pangkalan Data Pesalah Rasuah oleh laman web Su-

BH-27/07/2010

“Inisiatif terbaru yang berjaya dicapai oleh NKRA Rasuah ialah pelaksanaan program Sijil Integriti Pegawai (CeIO) selama enam bulan oleh Akademi Anti-Rasuah Malaysia (MACA) untuk pegawai kerajaan daripada pelbagai agensi dan badan berkanun”

Nurirdzuana Ismail
Ketua Sektor Media dan Data NKRA Rasuah

ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Inisiatif berkenaan adalah untuk mendidik pesalah rasuah agar tidak lagi melakukan kesalahan sama serta memudahkan masyarakat dan pengusaha membuat keputusan apabila menjalankan urusan dengan individu atau kumpulan tertentu.

Maklumat mengenai perolehan kerajaan juga didedahkan kepada umum melalui laman web MyProcurement Kementerian Kewangan yang dilancarkan Najib pada 1 April lalu. Usaha berkenaan dilihat sebagai cara untuk meningkatkan

ketelusan dan tanggungjawab dalam perolehan kerajaan.

NKRA Rasuah turut menyediakan garis panduan jelas kepada kakitangan kerajaan bagi menghapuskan amalan 'surat sokongan' yang boleh mempengaruhi pegawai kerajaan yang bertanggungjawab membuat keputusan.

Garis panduan berkenaan diedarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada April lalu kepada semua agensi kerajaan dan mensyaratkan pemberian perolehan kerajaan mestilah berdasarkan merit.

Nurirdzuana berkata, antara inisiatif NKRA Rasuah bagi memeringi gejala negatif berkenaan ialah pelaksanaan 'Perjanjian Integriti' semua agensi kerajaan dengan pembida kontrak kerajaan.

"Perjanjian Integriti bertujuan mengelakkan amalan korupsi antara pembida dengan kerajaan di samping meletakkan syarat pembida perlu melaporkan sebarang gejala rasuah kepada pihak berkuasa. Selain itu, perjanjian berkenaan memastikan kerajaan tidak membayar sebarang kos yang dikategorikan tidak perlu," katanya.

NKRA Rasuah tidak harus dipandang sebagai bermotifkan politik semata-mata tetapi demi kelangsungan tamadun Malaysia bersaing di pentas ekonomi global. Ini diakui cendekiawan dan pakar ekonomi kerana bagi mereka, jika sebuah negara mahu terus kukuh dan mempunyai ekonomi yang

FAKTA		
STATISTIK PENANGKAPAN RASUAH		
SEKTOR 2007	Bilangan	%
PENJAWAT AWAM	303	51.3%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	
Kumpulan Pegawai Profesional	54	
Kumpulan Sokongan	247	
AWAM	288	48.7%
Sektor Swasta	159	
Orang Ramai	129	
Ahli Politik	0	
JUMLAH	591	100%
SEKTOR 2008		
PENJAWAT AWAM	282	46.6%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	5	
Kumpulan Pegawai Profesional	60	
Kumpulan Sokongan	217	
AWAM	323	53.4%
Sektor Swasta	169	
Orang Ramai	148	
Ahli Politik	6	
JUMLAH	605	100%
SEKTOR 2009		
PENJAWAT AWAM	190	38.0%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	
Kumpulan Pegawai Profesional	29	
Kumpulan Sokongan	159	
AWAM	310	62.0%
Sektor Swasta	107	
Orang Ramai	180	
Ahli Politik	23	
JUMLAH	500	100%
SEKTOR 2010		
PENJAWAT AWAM	153	37.0%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	4	
Kumpulan Pegawai Profesional	19	
Kumpulan Sokongan	130	
AWAM	266	63.0%
Sektor Swasta	27	
Orang Ramai	237	
Ahli Politik	2	
JUMLAH	419	100%

mantap dalam kerangka pasaran bebas ekonomi global, institusi kerajaannya perlu telus, bertanggungjawab serta unsur rasuah berada pada tahap yang paling minimum.